

KENYATAAN MEDIA

18 JULAI 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Tahan TV LED Import Guna Label Keselamatan Yang Tidak Sah

Putrajaya, 18 Julai - Suruhanjaya Tenaga (ST) baru-baru ini memeriksa sebuah kargo di Pelabuhan Klang yang mengandungi 1,015 unit TV LED bernilai RM190,000, di mana label keselamatan SIRIM-ST yang dilekatkan pada badan TV LED tersebut dipercayai telah disalahguna oleh pengimport.

Pemeriksaan itu dilakukan setelah ST menerima maklumat mengenai kargo yang dieksport dari Nansha New Port, China itu dari pihak Kastam Cawangan Siasatan, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Selangor.

Hasil pemeriksaan, pihak ST yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Kawalselia Keselamatan, Mohd Elmi Anas mendapati bahawa label keselamatan yang dilekatkan pada TV tersebut adalah merupakan label yang dikeluarkan oleh *Conformity Assesment Body (CAB)* yang dilantik oleh ST untuk TV LED model lain. Dengan itu, ST mengesahkan bahawa terdapat penyalahgunaan label keselamatan oleh pengimport yang membolehkan menyebabkan pengguna ditipu.

ST seterusnya mengarahkan pengimport untuk menanggalkan label-label yang tidak sah tersebut, yang disaksikan sendiri oleh ST pada 11, 14 dan 16 Mei 2019 di Kompleks Kastam Pelabuhan Barat. Pengimport berkenaan turut diarah untuk memohon label keselamatan SIRIM-ST yang baru melalui permohonan ujian konsainmen dengan pihak SIRIM. Bagi model TV LED yang masih tidak mempunyai *Certificate of Approval (CoA)* dari ST, pemohon diarahkan untuk memohon CoA sebelum ia boleh dibenarkan oleh pihak Kastam untuk masuk ke negara ini.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST ingin mengingatkan pengimport barangan elektrik untuk mendapatkan label keselamatan SIRIM-ST yang sah sebagai mematuhi Peraturan 98, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan kompaun tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

Pihak pengimport juga diingatkan bahawa perbuatan menjual apa-apa kelengkapan elektrik sehingga menyebabkan bahaya kepada nyawa merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 37(1), Akta Bekalan Elektrik 1990. Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8554 / +603 8870 8598 / +6013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my / zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.